



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 01 Tahun 2018

SUMBANGAN STAF YANG MEMPUNYAI PERNIAGAAN PROFESIONAL

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara berikut tentang sumbangan staf UiTM yang mempunyai perniagaan profesional:
 - a. pengiktirafan sumbangan setara dengan projek perundingan.
 - b. penetapan kadar sumbangan minima sebanyak 2.5% daripada fi profesional yang diterima dalam sesuatu projek.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) 1/2018 pada 22 Januari 2018 mengesahkan bahawa aktiviti perniagaan staf yang mempunyai syarikat profesional diiktiraf setara dengan projek perundingan.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Bil. 209 pada 27 Mac 2018 telah meluluskan kadar sumbangan minima sebanyak 2.5% daripada fi profesional yang diterima bagi sesuatu projek.

PELAKSANAAN

4. Staf UiTM yang mendapat kebenaran Universiti untuk memiliki perniagaan profesional adalah tertakluk kepada pekeliling ini.
5. Pendaftaran sumbangan adalah mengikut projek. Pihak IRMI akan mengendalikan pangkalan data bagi menyimpan rekod sumbangan oleh perniagaan tersebut.
6. Hasil sumbangan tersebut akan diagihkan kepada tabung-tabung UiTM mengikut polisi pengagihan perundungan semasa.
7. Perniagaan yang telah membuat sumbangan kepada UiTM akan diberikan pengecualian cukai syarikat ke atas jumlah sumbangan tersebut.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling ini dikeluarkan pada 01 April 2018

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 April 2018

PEMAKAIAN

10. Pemakaian pekeliling ini adalah untuk pengiktirafan sumbangan pemilik syarikat di kalangan staf di seluruh sistem Universiti Teknologi MARA.

PROFESOR IR DR HJ ABDUL RAHMAN OMAR, JSM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-dekan Fakulti
Semua Rektor-rektor Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-CSPI(PT.6/7/2)
No. Siri : 100-IRMI (TNCPI. 6/13)
